

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025**

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

APRIL 2025

Indeks harga seunit pasir mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 3.8 peratus pada April 2025

PUTRAJAYA, 9 Mei 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, APRIL 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga pasir telah mencatatkan peningkatan iaitu antara 0.1 peratus sehingga 3.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada April 2025 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga bahan ini telah direkodkan di Pahang (3.8%), diikuti dengan Perak (2.9%), Johor dan Kuching (masing-masing 1.6%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga besi telah menunjukkan penurunan iaitu antara negatif 0.1 peratus sehingga negatif 3.4 peratus pada April 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi indeks harga bahan ini dicatatkan di Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Kota Kinabalu (masing-masing -3.4%), diikuti dengan Pahang (-0.8%) dan Kuching (-0.6%). Indeks harga seunit bahan ini juga telah mencatatkan penurunan sejak empat (4) bulan berturut-turut.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025

Indeks harga seunit keratan keluli & logam juga mencatatkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 2.6 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada April 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga bahan ini direkodkan di Perak (-2.6%).

Manakala, indeks harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, penurunan kecil bagi indeks harga seunit bahan ini telah direkodkan bagi beberapa kawasan iaitu di Sandakan (-1.3%), diikuti dengan Perak dan Kuching (masing-masing -0.2%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh April 2024 dan April 2025 menunjukkan bahawa indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 3.5 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Johor dan Tawau (masing-masing 3.5%) dan diikuti dengan Pahang (3.3%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 1.1 peratus hingga negatif 17.2 peratus pada April 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi direkodkan di Perak (-17.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan kecil (-0.4%) dengan purata harga RM3,490.80 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Mac 2025: RM3,505.30 per tan metrik). Tren penurunan harga bahan ini adalah sejajar dengan penyusutan harga komoditi besi dan bijih besi di pasaran antarabangsa. Manakala, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula telah mencatatkan peningkatan kecil (0.2%) dengan purata harga RM23.70 per 50 kg sekarung berbanding Mac 2025 (RM23.65 per 50 kg sekarung).

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025**

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.4 peratus pada bulan April 2025 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan ini dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan dan kawasan kecuali di Perak dan Pahang.

IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.4 peratus bagi semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Tawau pada April 2025 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IKB di Sandakan pula telah merekodkan peningkatan iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.9 peratus bagi kebanyakan kategori bangunan. Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan penurunan kecil antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.7 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali bagi kategori Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu.

Berdasarkan petikan akhbar Berita Harian bertarikh 1 April 2025, harga simen pukal di pasaran tempatan kekal stabil pada paras RM380 satu tan sejak Julai tahun lalu, berikutan permintaan yang kukuh daripada pelbagai projek infrastruktur utama. Menurut RHB Investment Bank, kestabilan harga simen ini didorong oleh pelaksanaan projek penting seperti Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, Lebuh Raya Span Ipoh Barat, serta pembinaan semula lima stesen LRT Laluan 3. Tambahan itu, kestabilan harga bahan binaan ini turut disokong oleh permintaan kukuh terhadap simen daripada sektor perindustrian dan pembangunan harta tanah. RHB Investment Bank turut menyatakan bahawa prospek industri simen di Malaysia kekal positif dengan jangkaan permintaan berterusan daripada pelbagai projek infrastruktur serta sokongan daripada keadaan kos yang lebih terkawal.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuat kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai **jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – April 2025



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 9 Mei 2025

Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – April 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 MEI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

APRIL 2025

The unit price index of sand recorded an increase between

0.1 per cent to 3.8 per cent in April 2025

PUTRAJAYA, May 9, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, APRIL 2025. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison recorded an increase in the unit price index of sand between 0.1 per cent to 3.8 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in April 2025 as compared to the previous month. The highest increase was recorded in Pahang (3.8%), followed by Perak (2.9%), Johor and Kuching (1.6%), respectively.

The Chief Statistician Malaysia also informed that the unit price index of steel showed a decline between negative 0.1 per cent to negative 3.4 per cent in April 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Kota Kinabalu (-3.4%) respectively, followed by Pahang (-0.8%) and Kuching (-0.6%). The unit price index of this material has recorded a decline for four (4) consecutive months.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 9, 2025

The unit price index of steel and metal sections also registered a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 2.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in April 2025 as compared to the previous month. The highest decrease of this material was recorded in Perak (-2.6%).

Meanwhile, the price index per unit of cement remained unchanged as compared to the previous month for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. On the contrary, the unit price index for this material recorded a slight decrease in several areas namely Sandakan (-1.3%), followed by Perak and Kuching (-0.2%), respectively.

An annual comparison for the period of April 2024 and April 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.1 per cent to 3.5 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Johor and Tawau (3.5%), respectively and followed by Pahang (3.3%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 1.1 per cent to negative 17.2 per cent in April 2025 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index of steel was recorded in Perak (-17.2%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a slight decrease (-0.4%) with an average price of RM3,490.80 per metric tonne as compared to the previous month (March 2025: RM3,505.30 per metric tonne). The downward trend in the price of this material aligns with the downward trajectory of iron and iron ore commodity prices in the global market. Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement showed a slight increase (0.2%), with an average price of RM23.70 per 50 kg bag as compared to March 2025 (RM23.60 per 50 kg bag).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 9, 2025

BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.4 per cent in April 2025 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories except in Perak and Pahang.

BCI with steel bars in Sabah also registered a decrease between 0.1 per cent to 1.4 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Tawau in April 2025 as compared to the previous month. Meanwhile, BCI in Sandakan recorded a slight increase between 0.1 per cent to 0.9 per cent for almost all categories of building. A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak also recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent and negative 0.7 per cent for almost all categories of buildings except for Timber Building and Timber Piling.

Based on Berita Harian online newspaper dated 1 April 2025, cement prices (in bulk) in the local market have remained stable at RM380 per tonne since July of last year, underpinned by sustained demand from major infrastructure developments. According to RHB Investment Bank, the stability of cement prices is largely attributed to the execution of key infrastructure projects such as the Pulau Pinang Light Rail Transit (LRT), the West Ipoh Span Expressway and the reconstruction of five (5) LRT Line 3 stations. Additionally, the price stability of the particular building material was driven by robust demand for cement from industrial and property developments sectors. RHB Investment Bank further stated that the outlook for Malaysia's cement industry remains favourable, supported by continued infrastructure investment and relatively stable cost conditions.


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 9, 2025

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – April 2025



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 9, 2025

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – April 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 May 2025**